

Ashaari akan disoal siasat

GENTING HIGHLANDS, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap pemimpin al-Arqam yang degil, berikutan keengganan mematuhi pewartaan pengharaman pertubuhan itu, Jumaat lalu.

Sehubungan itu, menurut Perdana Menteri kerajaan akan menyoal siasat Ashaari Muhammad jika pemimpin al-Arqam itu mengambil keputusan untuk pulang ke negara ini dari Chiangmai, Thailand, tempat beliau dipercayai berada sekarang.

Menurutnya, jika terbukti Ashaari masih menyebarkan ajaran salah dan terus mengaku dia mempunyai sifat-sifat Tuhan dan boleh bercakap dengan nabi, kerajaan akan mengambil tindakan mengikut peraturan undang-undang yang ada.

Beliau berkata, bagaimanapun tindakan terhadap Ashaari yang kini menetap di luar negara tidak boleh diambil mengikut perintah ekstradisi kerana ia bukan kes jenayah.

Katanya, penangkapan terhadap pengikut atau mereka yang terpedaya dengan kegiatan pertubuhan itu tidak begitu penting, sebaliknya tindakan terhadap pemimpin yang degil dianggap lebih utama.

Dalam masa yang sama, katanya, kerajaan akan memberi penjelasan mengapa tindakan itu perlu diambil bagi mengelak kekeliruan di kalangan rakyat.

"Kita mahu rakyat faham kenapa tindakan mesti diambil. Kita tidak mahu rakyat terpedaya dengan dakwaan al-Arqam, kononnya kerajaan sengaja menekan kumpulan dakwah.

"Ini kerana ada orang tertentu sengaja masuk ke kampung bercerita bahawa kerajaan bersikap anti-Islam dengan mengambil tindakan terhadap al-Arqam. Mereka juga menuduh kerajaan cuba menghalang dakwah Islamiah di negara ini," katanya selepas menghadiri Karnival Ekuestrian Merdeka Ketiga di sini, petang ini.

Sambil menafikan dakwaan itu, Dr Mahathir berkata perkara itu sengaja dihebohkan bagi menimbulkan kekeliruan dan menjejaskan imej kerajaan.

Menurutnya, segala tindakan kerajaan adalah mengikut peruntukan undang-undang yang ditetapkan. Tindakan itu diambil secara berterusan, walaupun terpaksa mengambil masa lama.

"Kita mengakui dalam soal agama, agak sukar untuk mengubah pendirian seseorang apabila mereka sudah percaya kepada sesuatu pegangan itu. Oleh itu, kita memerlukan masa yang lama untuk memberi penjelasan secukupnya kepada mereka," katanya.

Jumaat lalu, kerajaan mewartakan pengharaman kegiatan al-Arqam yang menyebut sesiapa yang gagal mematuhi warta kerajaan itu boleh ditangkap dan dihukum mengikut Akta Pertubuhan 1966.